

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 6 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1211-L12723  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan memandangkan pada masa ini lebih daripada satu perempat atau 6.5 juta daripada penduduk di negara ini bekerja dalam IKS tempatan, apakah projek-projek yang boleh dilaksanakan oleh IKS atau projek-projek dikenal pasti oleh Kerajaan untuk IKS di kawasan Pembangunan Wilayah seperti di wilayah Pembangunan Iskandar Dan Koridor Pembangunan Wilayah Utara.
2. PR-1211-L12570  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia dan Dolar Amerika Syarikat masa kini dan kesan pertukaran ke atas nilai barangan Malaysia dan import seperti kenaikan harga beras, gandum dan lain-lain.
3. PR-1211-L11522  
**Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan hasil kaji selidik saintifik yang telah dijalankan di bawah Program Angkasawan Negara.

4. PR-1211-T12638  
**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
  - a) bilangan tahanan yang telah ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Dangerous (Special Preventive Measures) Drugs Act 1985 (DDA) dari tahun 2002 hingga kini; dan
  - b) bilangan tahanan DDA yang telah dibebaskan dari tahun 2002 hingga kini dan bilangan mereka yang dikenakan Perintah Sekatan Kawasan.
5. PR-1211-L11271  
**Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada Kementerian ingin menjadikan blog sebagai media alternatif untuk menyebarkan maklumat mengenai rancangan-rancangan Kerajaan memandangkan cara ini adalah sangat popular di kalangan orang muda.
6. PR-1211-L12278  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dan berapakah jumlah kesalahan undang-undang Maritim yang sering dilakukan dan apakah usaha-usaha yang dibuat untuk mencegahnya.
7. PR-1211-L11508  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah sosial di kalangan belia di negara ini yang semakin serius.
8. PR-1211-L11961  
**Tuan Taib Azamuddin bin Md Taib [ Baling ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghapuskan Dana PTPTN yang nyata membebani pihak pelajar Bumiputera khususnya dan keluarga dengan menggantikan ia dengan skim biasiswa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.

9. PR-1211-L11319  
**Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [ Papar ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah ditahan di luar negara atas pelbagai kesalahan seperti pengedaran dadah dan sebagainya dari tahun 2004 sehingga kini. Apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan kes-kes mahkamah yang telah dibicarakan di luar negara dan adakah pihak Kementerian bercadang menubuhkan satu sekretariat di setiap negara terbabit bagi membantu rakyat Malaysia untuk menyelesaikan kes-kes mahkamah tersebut.
10. PR-1211-L11681  
**Tuan Lee Chee Leong [ Kampar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah jadual pelaksanaan projek landasan kereta api elektrik berkembar dari Ipoh, Perak ke Rawang, Selangor dan bilakah projek tersebut akan mula beroperasi.
11. PR-1211-L12234  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan polisi Kerajaan tentang penyediaan surau di premis perniagaan terutama di Kuala Lumpur.
12. PR-1211-L11954  
**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah borang-borang permohonan rasmi seperti borang permohonan kerja yang tidak mempunyai ruang bagi kategori bumiputera di Sabah dan Sarawak.
13. PR-1211-L12188  
**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan telah memutuskan doktor di klinik swasta tidak dibenarkan 'dispensi' ubat dan jika ya bila polisi ini akan mula dilaksanakan.
14. PR-1211-L12398  
**Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Sekolah Rendah Agama (SRA) di seluruh negara dalam masa terdekat ini memandangkan tempoh 6 tahun pendidikan di SRA memberi kesan sangat besar dalam pembentukan sahsiah modal insan negara.

15. PR-1211-L11406  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan-rancangan terkini untuk membina bilik darjah tambahan di Sekolah Cina Bercham dan adakah sebarang cadangan untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah Cina memandangkan jumlah pelajar yang terlalu ramai di sekolah yang sedia ada.
16. PR-1211-L11338  
**Tuan Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik sebenar masalah jenayah di negara ini sejak 5 tahun lalu. Apakah sebab yang menyebabkan peningkatan sangat tinggi (160%) jenayah rompak (Gang Robbery) dalam tahun 2007 dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu.
17. PR-1211-L12371  
**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang membina jalan luar bandar di kawasan P221 Limbang khususnya dari Kampung Telahak hingga ke Kampung Bong Abai dan dari Kampung Ipai ke Kampung Pendam di sepanjang Batang Limbang.
18. PR-1211-L12121  
**Tuan Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- a) berapakah berat sebenar jika ditimbang semua buku yang digunakan termasuk buku wajib dan buku yang dicadangkan oleh sekolah/Jabatan yang dibawa oleh murid darjah satu ke sekolah; dan
  - b) adakah berat tersebut tidak memberikan apa-apa implikasi kesihatan dan pembangunan fizikal murid ini.
19. PR-1211-L12417  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- a) apakah kriteria/prosedur untuk pelantikan Naib Canselor universiti awam; dan
  - b) bagaimanakah meritokrasi diukur dan diamalkan untuk pengambilan pelajar universiti awam.

20. PR-1211-L11471  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik yang membawa kesan negatif kepada alam sekitar.
21. PR-1211-L11586  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan prestasi pencapaian pelajar UPSR dan PMR dalam Matematik dan Sains sejak ia dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Tidakkah ada hasrat Kementerian untuk menukar kembali pengajaran kedua-dua subjek ini ke dalam bahasa ibunda.
22. PR-1211-L12410  
**Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan menubuh Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri yang terlibat di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).
23. PR-1211-L12066  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah wang yang diperuntukkan bagi bekalan susu segar di setiap negeri dan nilai bekalan bagi sekolah-sekolah di Sabah.
24. PR-1211-L12580  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan merujuk isu penyelewengan Dana Awam yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2006 mengenai pembelian kelengkapan oleh IKBN. Mengapakah Menteri terbabit tidak disiasat oleh BPR bagi menjelaskan kedudukan sebenar kestersebut.
25. PR-1211-L12096  
**Tuan Roslan bin Shaharum [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan pusat-pusat bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (Swasta) yang terpaksa gulung tikar akibat pengenalan sistem kuota oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan kekurangan pelajar.
26. PR-1211-L12040  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar pelupusan sampah di Rancangan Tanah FELDA.

27. PR-1211-L12666  
**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci dari manakah sumber kewangan diperoleh bagi pelaksanaan projek-projek di bawah Projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER).
28. PR-1211-L12123  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keluarga miskin tegar di Malaysia dan berapakah jumlah tersebut terdapat di Negeri Perak.
29. PR-1211-L12480  
**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes yang berkaitan Pilihan Raya Umum Ke 12 baru-baru ini sama ada sebelum dan semasa pilihan raya serta apakah hasil siasatan serta tindakan pendakwaan.
30. PR-1211-L11276  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **MENTER DALAM NEGERI** menyatakan dengan mendalam hasil siasatan ekoran daripada pembatalan penggunaan tanda dakwat pada kuku semasa pilihan raya umum ke 12 yang lalu. Nyatakan pihak-pihak yang disyaki terlibat dan tindakan terhadap mereka yang dikatakan akan menimbulkan masalah keselamatan dan ketenteraman.
31. PR-1211-L12455  
**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana warga petani di kawasan pendalaman yang rata-ratanya dari golongan warga emas dapat memanfaatkan dasar pemodenan industri pertanian.
32. PR-1211-L11882  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah ganti rugi baru yang dicadangkan kepada ibu bapa bayi Lai Yok Shan serta apa langkah-langkah yang telah diambil untuk memberi jaminan kepada rakyat bahawa kes kecuai hospital kerajaan sebegitu tidak diulangi.
33. PR-1211-L12136  
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah beliau berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat kepada penemuan (findings) "*Independent Inquiry Committee Into The United Nation Oil-For-Food Programme*" di mana membabitkan syarikat Tradeyear Sdn Bhd dan Mastek Sdn Bhd, syarikat yang berkait rapat dengan YAB Perdana Menteri. Sekiranya tidak, sila berikan alasan.

34. PR-1211-L11750  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keutamaan perancangan YAB Perdana Menteri untuk terus mentadbir Kerajaan dalam suasana kemelut politik negara yang menekan beliau supaya bersara dan parti yang dipimpinya berada dalam keadaan darurat supaya prestasi ekonomi negara terus mantap dan meyakinkan pelabur-pelabur asing.
35. PR-1211-L12647  
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap 125 Cadangan Penambahbaikan Pasukan Polis seperti yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya DiRaja. Adakah IPCMC akan ditubuhkan untuk kepentingan rakyat. Jika tidak, kenapa.
36. PR-1211-L11709  
**Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah berkesan yang benar-benar dapat mencegah kegiatan jenayah yang telah menggugat keselamatan orang awam terutamanya di semua kawasan bandar yang mempunyai ramai pendatang asing, penganggur serta penjenayah tegar.
37. PR-1211-L11815  
**Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini Program Perkampungan Tersusun Nelayan di Kota Belud yang dicadangkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).
38. PR-1211-L11963  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah untuk menerap teknologi baru pertanian yang memandangkan penggunaan semakin luas untuk hasilnya.
39. PR-1211-L11989  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemegang kad pengenalan merah mengikut kategori yang ditakrifkan dan pecahan kaum, langkah-langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini dan syarat-syarat untuk pemegang yang lahir di Malaysia mendapatkan status warganegara yang sah.

40. PR-1211-L12549  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada wujudnya polisi Kementerian Kesihatan untuk bersikap tutup sebelah mata berkaitan taraf penginapan dan kemudahan asas yang dibekalkan untuk kaum pekerja asing oleh para majikan mereka.
41. PR-1211-L11425  
**Puan Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada kekerapan berlakunya penyakit denggi dan kadar kematian pesakit denggi pada tahun 2007 meningkat berbanding dengan 2005 dan 2006. Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil Kementerian tahun ini dalam mencegah berlakunya penyakit denggi serta merawat pesakit-pesakit denggi.
42. PR-1211-L12029  
**Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) kawasan-kawasan Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi POS dua ribu (2000) ke atas dan komposisi mereka dalam pilihan raya ke- 12 baru-baru ini; dan
  - b) bilakah Kerajaan akan membenarkan pasukan keselamatan seperti polis dan tentera mengundi secara terbuka.
43. PR-1211-L11800  
**Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [ Muar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menjayakan semula industri automotif nasional terutama Proton di mana daya saing syarikat tersebut semakin lemah dengan kekurangan model-model baru, kemerosotan nisbah pasaran (market share) dan berikutan panggilan model Savy ditarik semula disebabkan komponen bermasalah.
44. PR-1211-L12010  
**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) apakah fungsi Penasihat Agama dan Penasihat Wanita, apa perbezaan fungsi mereka dengan menteri-menteri berkaitan; dan
  - b) berapakah gaji/elaun dan emolumen mereka, berapakah staf/kakitangan sokongan mereka dan berapakah kos bulanan (gaji/elaun dll) bagi khidmat sokongan untuk mereka.

45. PR-1211-L11714  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan -
- a) apakah langkah penyelesaian yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan agar pembinaan jalan penghubung antara Kompleks KIK Johor Bahru dan Tambak Johor dapat dilakukan. Adakah jalan penghubung ini bersifat kekal atau adakah ianya mengambil kira kemungkinan pembinaan jambatan pada masa hadapan; dan
  - b) bilakah Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin Johor Bahru dapat digunakan oleh rakyat secara sepenuhnya.
46. PR-1211-L11241  
**Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) apakah Badan Pencegah Rasuah (BPR) maklum bahawa ada pelbagai projek di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah yang dilaksanakan, di mana pelantikan kontraktor pelaksanaanya dibuat tanpa mengikut prosedur yang ada; dan
  - b) jika maklum, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak BPR
47. PR-1211-L11657  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana status, cadangan dan berapa jumlah peruntukan untuk jalan raya "dual carriage" atau jalan dua hala Lahad Datu-Tawau, Lahad Datu-Sandakan.
48. PR-1211-L11540  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan akan memastikan semua pelantikan jawatan tinggi kehakiman termasuk Ketua Hakim Negara bermula sekarang akan dijalankan di bawah satu proses telus dan amanah berdasarkan meritokrasi untuk memulihkan keyakinan terhadap kebebasan, integriti dan kualiti kehakiman.
49. PR-1211-L11698  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang Ehsan yang telah diberikan kepada Kerajaan Terengganu sejak tahun 2004.

50. PR-1211-L12565  
**Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah objektif dasar PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dan Bahasa Inggeris). Adakah bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan Sains dan Matematik atau meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris. Apakah kesan mutu pendidikan Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris melalui dasar PPSMI
51. PR-1211-L12296  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan usaha Kerajaan dalam membendung rasuah memandangkan kedudukan negara dalam International Transparency Index semakin jatuh menjunam ke tangga ke-36 berbanding dengan kedudukan negara jiran Singapura yang menduduki tangga ke-6.
52. PR-1211-L11747  
**Tuan Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan kawalan harga ke atas barang-barang dan makanan keperluan sebagai satu strategi bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan barang-barang dan makanan keperluan yang dihadapi oleh negara.
53. PR-1211-L12631  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keluaran kasar ekonomi (economic output) di antara negeri di Utara dan negeri di Selatan Semenanjung Malaysia. Sila nyatakan jenis aktiviti ekonomi yang berlaku dan perancangan Kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara negeri Utara dan Selatan.
54. PR-1211-L12594  
**Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka semula rancangan Felda dalam saiz tanah lebih kecil contohnya lima ekar dengan:-
- a) mempunyai konsep pertanian bersepadu seperti kombinasi tanaman sawit, penternakan lembu dan IKS; dan
  - b) menumpukan pengambilan peneroka kepada mereka yang tergolong dalam kelompok miskin tegar.

55. PR-1211-L11967  
**Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan nilai ringgit stabil supaya eksport negara mampu bersaing dengan negara-negara jiran.
56. PR-1211-L11233  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) berapa banyakkah permohonan dari kalangan Bumiputera bukan Melayu (menurut kaum) yang ditolak bagi menganggotai pasukan polis, tentera dan perkhidmatan awam persekutuan bagi tempoh 2005 – 2007; dan
  - b) sebab-sebab permohonan mereka ditolak dan langkah-langkah yang diambil untuk merangsang mereka untuk menyertai pasukan polis dan tentera.
57. PR-1211-L12470  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek-projek pembangunan yang akan di laksanakan di negeri Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ke-9
58. PR-1211-L12103  
**Puan Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah dan perancangan yang diambil bagi membendung serta mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara.
59. PR-1211-L11617  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa adakah Kerajaan bercadang menaik taraf dan mendalam Pelabuhan Perikanan Chendering Kuala Terengganu bagi membantu nelayan-nelayan pantai dan laut dalam melabuh serta mendaratkan hasil tangkapan perikanan mereka.
60. PR-1211-L11839  
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang telah di tahan di luar negara akibat dadah, berapakah bilangan mereka dan nyatakan negara-negara yang terlibat sejak 5 tahun kebelakangan ini.

61. PR-1211-L12176  
**Tuan Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- a) bilangan pesakit yang memerlukan pemindahan organ dan tisu untuk menyelamatkan nyawa mereka; dan
  - b) bilangan orang yang mendaftar diri sebagai bakal penderma organ dan tisu di Pusat Sumber Transplan Nasional.
62. PR-1211-L12657  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kes hapus kira cukai yang telah dilaksanakan setakat ini dan nilai di dalam Ringgit Malaysia jumlah tersebut.
63. PR-1211-L12160  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan misi angkasa lepas yang telah menaikkan nama negara dan apakah faedah ketara yang diperolehi oleh negara melalui program ini.
64. PR-1211-L11934  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTER KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada golongan miskin tegar oleh Kementerian di seluruh Malaysia dan adakah banciaan dibuat untuk mengenal pasti bahawa bantuan itu mencukupi untuk menyara kehidupan mereka.
65. PR-1211-L12399  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi meraih Pelaburan Asing Langsung (FDI) yang hanya berjumlah RM 12 bilion pada tahun 2007.
66. PR-1211-L11404  
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa sistem penyampaian Kerajaan hari ini lebih menjurus kepada sistem "siapa kenal siapa" iaitu bagi rakyat yang tidak kenal sesiapa dalam sesuatu jabatan mereka mendapati amat susah dan memakan masa untuk berurusan dengan Kerajaan. Apakah dengan persepsi ini sistem "PEMUDAH" akan diperkenalkan bagi memudahkan semua lapisan rakyat.

67. PR-1211-L12680  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keadaan inflasi di negara ini. Adakah kenaikan harga barang-barang kawalan seperti petrol, tepung gandum dan beras akan dibenarkan dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi tekanan inflasi.
68. PR-1211-L11995  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan amaun peruntukan pembangunan kawasan Parlimen yang ditetapkan untuk tahun 2008 untuk setiap kawasan, bagaimanakah peruntukan ini disalurkan kepada kawasan yang diwakili oleh wakil pembangkang mendapat hak yang sama seperti wakil kerajaan dalam pengurusan peruntukan ini.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”.

### **Menyambung semula perbahasan atas masalah (5 Mei 2008)**

2. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Bacaan Perkhidmatan Kewangan Luar Kali Yang Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Kedua

3. PR-1211-U11249  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diperkenalkan mengikut 'Merchant Shipping Act' 1952 melalui 'Domestic Shipping Licensing Board' bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan 'Cabotage Policy' ini dan mengamalkan 'Open Sea Policy' bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khususnya dan menjayakan Sabah 'Development Corridor'.

**(Menteri Pengangkutan)**

4. PR-1211-U11250

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan\ yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

## 5. PR-1211-U11256

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

## 6. PR-1211-U12705

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya Diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

7. PR-1211-U12709  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

**(Menteri Kewangan)**

8. PR-1211-U11516  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

**(Menteri Penerangan)**

9. PR-1211-U11517  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

10. PR-1211-U11519  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

11. PR-1211-U11520

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

12. PR-1211-U11523

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

13. PR-1211-U12088

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

**(Perdana Menteri)**

14. PR-1211-U12093  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk mengelakkan penggunaan baja in-organik yang diperoleh terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logikanya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

**(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)**

15. PR-1211-U12097  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

**(Menteri Pelajaran)**

16. PR-1211-U12648  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)**

17. PR-1211-U11457  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

18. PR-1211-U12502  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarkan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

**(Menteri Luar Negeri)**

19. PR-1211-U12517  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

**(Perdana Menteri)**

20. PR-1211-U12520  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

**(Menteri Kewangan)**

21. PR-1211-U12526  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan. Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

**(Perdana Menteri)**

22. PR-1211-U12529  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

23. PR-1211-U12535  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

**(Perdana Menteri)**

24. PR-1211-U12740  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

**(Perdana Menteri)**

25. PR-1211-U12741

**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN. Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

**(Perdana Menteri)**

26. PR-1211-U12583

**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

**(Menteri Pelajaran)**

27. PR-1211-U12554

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

**(Menteri Pelancongan)**

28. PR-1211-U12590

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

29. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia."

**(Menteri Pelajaran)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2008</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.240	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	6 Mei 2008
ST.256	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis (UMP) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	6 Mei 2008
ST.238	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit).	6 Mei 2008
ST.288	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	6 Mei 2008